AKTIVITI INKUIRI

Bab 1 Pengenalan kepada Ekonomi

Objektif:

1. Membantu murid mengenal pasti perbezaan antara keperluan dan kehendak.
2. Pengenalan kepada masalah kekurangan, pilihan dan kos lepas.

Bahan:


1. Power Point Slide_Bab 1 Ekonomi Tg 4
2. Lembaran Kerja Bab 1

Cadangan Aktiviti:

1. Guru memaparkan gambar-gambar tempat pelancongan yang terkenal kepada murid.



2. Guru minta murid senaraikan 8 barang yang mesti akan dibawa sekiranya hendak pergi melancong di salah satu tempat pelancongan tersebut dalam Lembaran Kerja Bab 1.



©Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

3. Pilih dua orang murid untuk bentangkan senarai barang yang ditulis dan bincangkan dengan murid lain dalam kelas.
4. Guru memaparkan gambar peperangan/ banjir/ kebakaran/gempa bumi. Terangkan kepada murid bahawa mereka telah menimpa situasi tersebut.



5. Minta murid menyenaraikan 8 barang yang akan dibawa dalam Lembaran Kerja Bab 1 supaya dapat terus hidup sekiranya mereka menimpa malapetaka tersebut.
6. Pilih dua orang murid untuk bentangkan senarai barang yang ditulis dan bincangkan dengan murid lain dalam kelas.
7. Bantu murid untuk membezakan konsep keperluan dan kehendak.
8. Guru juga boleh mengaitkan dengan konsep kekurangan dan pilihan.

PENERBITAN PELANGI SDN BHD

©Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

AKTIVITI INKUIRI

Bab 2 Pasaran

Objektif:

1. Membantu murid memahami konsep hukum permintaan.
2. Pengenalan kepada hukum permintaan.
3. Memperkenalkan konsep permintaan individu dan permintaan pasaran.

Bahan:

3. Power Point Slide_Bab 2 Ekonomi Tg 4
4. Lembaran Kerja Bab 2

Cadangan Aktiviti:

1. Guru memaparkan gambar baju raya atau gambar jualan murah untuk baju sebelum Hari Raya.
2. Guru minta murid mengisi jadual harga vs kuantiti diminta dalam Lembaran Kerja Bab 2 mengikut hati atau keadaan keluarga masing-masing.





3. Pilih tiga hingga lima orang murid untuk bentangkan kuantiti yang diminta dengan memberikan alasan masing-masing.
4. Guru memberikan panduan kepada murid untuk membuat kesimpulan bahawa hubungan harga dengan kuantiti yang diminta adalah bersifat songsang (negatif).
5. Guru meminta murid menambahkan semua kuantiti diminta individu dalam kelas supaya memperoleh semua kuantiti diminta pada setiap tingkat harga.
6. Guru mengarahkan murid mengisi jadual di Lembaran Kerja Bab 2 berdasarkan jumlah kuantiti yang telah diperoleh tadi.
7. Guru menjelaskan konsep permintaan pasaran.

PENERBITAN PELANGI SDN BHD

©Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

AKTIVITI INKUIRI

Bab 3 Wang, Bank dan Pendapatan Individu

Objektif:

1. Membantu murid mengenal pasti ciri-ciri dan fungsi wang.


Bahan:

5. Power Point Slide_Bab 3 Ekonomi Tg 4
6. Lembaran Kerja Bab 3

Cadangan Aktiviti:

9. Guru memaparkan jenis-jenis komoditi yang pernah digunakan sebagai wang sepanjang sejarah manusia.
10. Guru menerangkan secara ringkas mata wang tersebut kepada murid.
11. Murid diminta merumuskan dan mencatatkan ciri-ciri wang berdasarkan penjelasan guru dalam Lembaran Bab 3.





12. Guru memberikan panduan kepada murid supaya mereka dapat merumuskan fungsi wang sebagai alat perantaraan pertukaran, alat ukuran nilai, alat penyimpan nilai dan alat bayaran tertunda.
13. Murid dikehendaki menuliskan fungsi wang dalam Lembaran Kerja Bab 3.

PENERBITAN PELANGI SDN BHD

©Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

AKTIVITI INKUIRI

Bab 4 Pengeluaran

Objektif:

1. Membantu murid memahami konsep pengeluaran.
2. Membantu murid mengenal pasti input (input tetap dan input berubah), transformasi dan output dalam proses pengeluaran.

Bahan:

7. Power Point Slide_Bab 4 Ekonomi Tg 4
8. Lembaran Kerja Bab 4

Cadangan Aktiviti:

14. Guru memaparkan gambar roti dan kek yang dijual di dalam kedai.





15. Guru meminta murid terangkan bagaimana roti atau kek tersebut boleh dihasilkan dan dapat dijual di dalam kedai.
16. Guru meminta murid melukis peta aliran untuk menerangkan proses pengeluaran roti atau kek tersebut dalam Lembaran Kerja Bab 4.
17. Guru membantu murid memahami konsep input, transformasi dan output dalam proses pengeluaran.

PENERBITAN PELANGI SDN BHD

©Penerbitan Pelangi Sdn Bhd